

TARIKH : 13 FEBRUARI 2020
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24

Boleh laksana pakej rangsangan ekonomi

Kuala Lumpur: Malaysia masih ada ruang melaksanakan pakej rangsangan ekonomi tanpa menjejaskan sasaran defisit fiskalnya bagi mengekang impak penularan koronavirus baharu (Covid-19) kepada ekonomi negara.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, ini kerana paras hutang kerajaan berada pada tahap terkawal dan di bawah unjuran ditetapkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Katanya, hutang kerajaan kini berada pada paras 52.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau 61 peratus jika mengambil kira

jaminannya sekali.

“Jika anda melihat laporan dikeluarkan IMF mengenai Malaysia baru-baru ini, berdasarkan analisis kemampuan hutang mereka iaitu yang bermaksud pada tahap apa kerajaan mampu menampung hutangnya dan Malaysia berada pada paras 70 peratus.

“Maka, dengan defisit fiskal lebih rendah, pelaksanaan penyatuan fiskal yang kerajaan laksanakan sejak 2009 dan

paras hutang yang terkawal ia memberikan ruang fiskal (kepada kerajaan) membiayai pakej rangsangan ini,” katanya pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi negara untuk suku keempat di sini, semalam.

“
Hutang kerajaan berada pada paras 52.8 peratus daripada KDNK
Nor Shamsiah

